



KEMAHIRAN MENDENGAR DAN BERTUTUR

TP

SP 1.5.1 Bersoal jawab menggunakan soalan terbuka untuk meneroka dan mengetahui sesuatu perkara secara bertatasusila.

Dengar petikan dengan teliti. Kemudian, lengkapkan dialog berdasarkan situasi tersebut secara bertatasusila.



TRACK 8

- Fatimah : Eh, Kak Diana! Lama sungguh kita tak berjumpa. Kakak juga suka membeli barang dapur di sini?
- Diana : Oh, Dik Timah! Ya, kakak selalunya saya akan membeli barang dapur di sini. Harganya amat berpatutan.
- Fatimah : Persediaan untuk menyambut perayaan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang?
- Diana : Bukanlah, adik. Kakak ingin membeli sedikit bahan untuk membuat _____.
- Fatimah : Apakah itu kuih mahbob? Sungguh unik namanya.
- Diana : Kuih ini sebenarnya antara kuih tradisional yang popular di negeri _____. Kuih ini juga dikenal sebagai kuih _____ ataupun kuih _____. Yang penting resipi yang digunakan tetap sama dan rasanya tetap enak.
- Fatimah : Wah, inilah kali pertama saya mendapat tahu tentang kuih ini! Adakah susah untuk menyediakan kuih ini, Kak Diana?
- Diana : Tidaklah Dik Timah. Ramuan untuk membuat ini pun hanya menggunakan beberapa jenis bahan. Semua bahan tersebut juga mudah diperolehi. Contoh bahannya adalah seperti _____. Selain bahannya mudah didapati, cara membuat kuih ini juga amat mudah. Hanya perlu _____ lebih kurang dalam masa _____ kemudian sebelum menghidangkan kuih ini taburkanlah sedikit _____ supaya menambahkan kelazatannya.
- Fatimah : Tahi minyak? Apakah benda tersebut Kak Diana?
- Diana : Tahi minyak ialah _____ sehingga keluar tahi minyak yang berwarna perang. Kemudian, _____ sebelum ditaburkan di atas kuih tersebut. Tetapi ada orang yang tidak menggunakan tahi minyak. Ada yang menggantikannya dengan _____. Namun begitu, bagi saya, jika kita taburkan kulit kayu manis, kuih ini seolah-olah sudah terjejas keasliannya. Agak kurang sesuai untuk digelar sebagai kuih tradisional. Itu hanyalah pendapat peribadi saya sahaja.
- Fatimah : Menarik juga kuih ini dan nampak seperti sedap rasanya.
- Diana : Ya, memang sedap, Dik Timah. Namun begitu, ada sesetengah orang yang mengatakan kuih ini agak _____. Ada juga yang membandingkan kuih ini dengan kuih _____ kerana keharuman dan kemanisannya. Kuih mahbob ini menjadi amat harum kerana daun terdapat aroma _____ dan _____ yang digoreng tersebut. Kita boleh mengurangkan kandungan gula yang digunakan untuk mengurangkan kemanisan. Eh, Dik Timah tidak pernah mencuba kuih ini? Jemputlah datang ke rumah saya pada esok petang. Esok saya akan membuat kuih mahbob ini. Datanglah untuk mencubanya.
- Fatimah : Insya-Allah Kak Diana. Saya akan datang sekiranya tiada aral melintang. Terima kasih atas jemputan tersebut Kak Diana.